

5 teras kekal kemajuan

H.M 27/06/09 MS 31

>>Oleh Mohamad Hussin dan Faizatul Farlin Farush Khan
mohamad@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengekalkan agenda pembangunan negara berdasarkan lima Teras Utama Misi Nasional bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang maju dan positif.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ekonomi Malaysia dijangka mampu berkembang secara purata enam peratus setahun selepas mengambil kira jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana, sebanyak 4.1 peratus setahun bagi tempoh 2008-2010.

“Lima teras itu ialah meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara; meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama;

menangani masalah ketidak-samaan sosioekonomi secara membina dan produktif.

“Selain itu, meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup dan mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara,” katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri berkata, sepanjang dua tahun pelaksanaan RMK-9, beberapa kejayaan termasuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi negara pada kadar membanggakan, iaitu 6.1 peratus setahun, serta menaik taraf kualiti hidup rakyat melalui peningkatan pendapatan perkapita daripada RM18,840 pada 2005 kepada RM23,066 pada 2007.

“Permintaan sektor swasta dijangka terus menjadi peneraju pertumbuhan ekono-



ABDULLAH...ekonomi mampu berkembang

mi, di mana pelaburan swasta dijangka berkembang 10.6 peratus dengan jumlah pelaburan pada harga semasa dianggar mencapai RM305.8 bilion bagi tempoh 2008-2010.

“Bagi tempoh akhir RMK-9, kerajaan akan terus melaksanakan pengurusan ekonomi makro yang berhemah bagi memastikan asas ekonomi terus kukuh,” katanya.

Menurutnya, sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian dijangka terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi.

“Sektor perkhidmatan dijangka mencatat perkembangan 7.9 peratus setahun, diterajui subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

“Sektor pembuatan pula dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada kadar 3.0 peratus setahun berikutan kelembapan permintaan global yang berterusan terhadap keluaran elektrik dan elektronik.

“Namun, industri pembuatan bagi pasaran domestik dijangka berkembang pesat, terutama industri berkaitan pembinaan,” katanya.

Menurutnya, sektor pertanian yang dijangka berkembang pada kadar 4.1 peratus setahun, akan terus diberi tekanan, terutama subsektor

tanaman makanan bagi menyokong Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara.

“Sementara itu, sektor pembinaan dijangka terus mencatat pertumbuhan yang kukuh dengan kadar purata 5.8 peratus setahun.

“Kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam akan dipertingkatkan, manakala bantuan kepada golongan miskin dan yang memerlukan akan diteruskan.

“Dengan mengukuhkan kedudukan kewangan, kerajaan menjangka dapat mengekalkan defisit fiskal pada tahap 3.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2010,” katanya.

Selain itu, Abdullah berkata, kerajaan menambah peruntukan daripada RM200 bilion kepada RM230 bilion bagi menampung kenaikan kos pelaksanaan projek sedia ada berikutan kenaikan harga bahan binaan dan bahan api.